

Hadi Awang dipilih Presiden Pas baru

DM - 9 SEP 2003

KUALA LUMPUR 8 Sept. — Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dipilih sebagai Presiden Pas yang baru selepas menang tanpa bertanding untuk jawatan berkenaan.

Setelah pencalonan ditutup hari ini hanya Pemangku Presiden Pas itu sahaja dicalonkan untuk jawatan tersebut.

Setiausaha Agung Pas, Nasharudin Mat Isa mengesahkan bahawa Abdul Hadi dipilih sebulat suara bagi mengisi kekosongan jawatan Presiden ekoran kematian Datuk Fadzil Noor.

“Buat pertama kalinya, Abdul

Hadi akan memberikan ucapan dasar pada Muktamar Pas dari 10 hingga 14 September ini,” katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat Ahli Jawatankuasa Pas Pusat di sini hari ini.

Bercakap kepada pemberita selepas pengumuman itu, Abdul Hadi berkata, antara lain ucapan dasar itu akan menyentuh isu-isu yang berkaitan sosial, ekonomi dan pendidikan.

Ditanya sama ada beliau akan turut menyelitkan ucapan terima kasih kepada Dr. Mahathir Mohamad yang akan bersara sebagai Perdana Menteri selepas Oktober ini, Abdul Hadi berkata, Pas tidak mena-

fikan sumbangan Dr. Mahathir kepada negara.

Tetapi kata hadi, beliau hanya akan berbuat demikian jika Dr. Mahathir sanggup mengubah beberapa dasar kerajaan pusat terhadap Kelantan dan Terengganu.

Sementara itu Nasharudin memberitahu, untuk jawatan-jawatan lain, terutama jawatan Timbalan dan Naib presiden, tarikh tutup pencalonan dilanjutkan.

Setakat ini kata beliau, terdapat lebih daripada dua nama telah dicalonkan untuk jawatan Timbalan Presiden.